



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
IBU PEJABAT MARITIM NEGERI SARAWAK  
AGensi PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Kompleks Maritim Tun Abang Salahuddin (KOMTAS)  
Lot 1358, Jalan Bako, Muara Tebas  
93050 KUCHING  
SARAWAK



Telefon : **082- 432500 / 432540**  
Fax : **082-432502 / 432557**  
Bilik Operasi (24 Jam) : **082-432544**

Ruj Kami : APMM.W4.100-2/1/7Jld 11(18)  
Tarikh : 17 Jul 2022

## **SIARAN MEDIA**

### **SEORANG PEMANCING DIKHUATIRI HILANG SELEPAS KAYAK TERBALIK BERJAYA DI SELAMATKAN**

**MIRI, 17 Julai** – Maritime Rescue Sub Center (MRSC) Kuching telah mengaktifkan Operasi Mencari dan Menyelamat (CARILAMAT) pada jam 10.50 pagi tadi berikutan satu bot kayak terbalik bersama satu pemancing hilang di perairan Lutong, Miri.

Pengarah Zon Maritim Miri Kepten Maritim Mohd Shafie bin Haji Paing berkata, Pusat Operasi Zon Maritim Miri telah menerima panggilan telefon pada jam 9.45 pagi dari Balai Bomba Miri berikutan kejadian bot kayak terbalik bersama satu pemancing pada jarak lebih kurang 2 batu nautika barat laut Pantai Lutong, Miri.

Menurut pengadu, mangsa menaiki kayak berwarna biru, memakai jaket keselamatan berwarna merah dan memakai baju berwarna Ungu.

Sejurus menerima laporan berkenaan, aset Maritim Malaysia Bot KILAT 41 telah diatur gerak ke lokasi kejadian.

Sekitar jam 11.40 tengah hari, kru Bot KILAT 41 telah berjaya menemui mangsa dan di bawa ke Jeti Marina Bay bagi tindakan lanjut.

MRSC Kuching telah menamatkan Operasi CARILAMAT pada jam 12.18 tengah hari dan Maritim Malaysia turut merakamkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Agensi sahabat serta orang awam yang telah terlibat secara langsung dalam operasi menyelamat pada pagi tadi.

Maritim Malaysia menggesa komuniti maritim agar pastikan bot dalam keadaan baik dan batalkan niat ke laut sekiranya cuaca buruk dan sekiranya keadaan mendesak untuk ke laut, utamakan keselamatan dengan sentiasa memakai jaket keselamatan dan bawa bersama peranti Personal Located Beacon (PLB) untuk memudahkan pasukan penyelamat terus ke lokasi kecemasan.

Maritim Malaysia sentiasa mengalu-alukan maklumat daripada seluruh komuniti Maritim untuk melaporkan sebarang kecemasan di laut secara terus ke talian Pusat Operasi Zon Maritim Miri di talian 085-434055 atau MERS 999.

**Kepten Maritim Mohd Shafie bin Haji Paing**

**Pengarah Zon Maritim Miri**

**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

**-TAMAT-**

---

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:-  
Pegawai Perhubungan Awam Zon Maritim Miri  
Leftenan Madya Maritim Mohd Shafeyk bin Ahmad

No Tel : 0148315242  
Emel : mohdshafeyk@mmea.gov.my